

DATE: 20/10/2009

## Dr Mahathir yakin ahli MCA bijak pilih pemimpin



DR MAHATHIR membaca buku hasil penulisan Alumni UiTM sambil diperhatikan presiden persatuan, Mohd Zin Mohamed di Putrajaya, semalam.

**P**UTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad menyerahkan kepada kebijaksanaan ahli MCA untuk menentukan hala tuju parti berkenaan termasuk sama ada perlu memilih pemimpin baru menerusi mesyuarat agung luar biasa (EGM).

“Saya percaya ahli MCA bijak dan akan membuat pilihan terbaik. Bagaimanapun, apabila kita menghadapi cabaran sehingga tahap ini, maka sesiapa pun yang menang tetap sama kerana ia akan mengakibatkan perpecahan dan kehilangan sokongan ahli parti.

“Sebagai contoh kes Tengku Razaleigh Hamzah lawan dengan saya. Apabila saya menang beliau keluar daripada Umno dan tubuh Parti

Semangat 46,” katanya selepas menyampaikan ucapan pada Majlis Wacana Ulung bertajuk ‘Strategi Memartabatkan Melayu di Dunia Tanpa Sempadan; anjuran Peratuan Alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Presiden MCA, Datuk Seri Ong Tee Keat, yang mengarahkan satu lagi EGM dalam tempoh terdekat untuk memutuskan sama ada perlu atau tidak diadakan pemilihan semula pucuk pimpinan parti itu.

Katanya, beliau tidak boleh mengeluarkan kenyataan sebarangan kerana mungkin ia timbulkan salah faham.

Ditanya hasrat Ahli Par-

limen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali, yang bercadang menyertai Umno, Dr Mahathir berkata beliau menyerahkan perkara itu kepada parti.

“Terpulang kepada Umno menentukannya. Saya anggap Ibrahim kawan baik walaupun beliau berada di luar atau di dalam Umno mahupun dalam tahanan,” katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir meminta pemimpin kerajaan dan orang Melayu tidak terpengaruh dengan idea kononnya globalisasi, perjanjian perdagangan bebas (FTA) dan demokrasi yang dipelopori negara Barat akan membawa faedah kepada semua pihak.

BA - 20/10/2009